

TEKS UCAPAN DATO SERI DR SITI HASMAH BT HAJI MOHD ALI
SUNWAY LAGOON RESORT HOTEL
MAJLIS MAKAN MALAM AMAL TABUNG KEBAJIKAN PESAKIT
HOSPITAL UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
28 SEPTEMBER 2001

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Majlis Makan Malam Amal Tabung Kebajikan Pesakit HUKM kerana mengundang saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya melancarkan Tabung Kebajikan Pesakit HUKM.

2. Saya berdoa usaha tuan-tuan dan puan-puan menubuhkan Tabung Kebajikan Pesakit HUKM bagi membantu pesakit-pesakit yang memerlukan bantuan akan berjaya, Insya-Allah.

3. Penderitaan dan kesengsaraan di dunia ini boleh berlaku di mana-mana sahaja atas berbagai-bagai sebab. Saya melihat sendiri penderitaan rakyat negara Iraq yang tidak mendapat bekalan ubat yang secukupnya bagi merawat penyakit mereka. Kesan perang telah mengakibatkan ramai kanak-kanak Iraq mengalami penyakit leukemia dan penyakit-penyakit kronik yang lain. Kesempitan hidup akibat sekatan ekonomi menyebabkan kanak-kanak menderita tanpa rawatan.

4. Sekalipun keadaan sedemikian tidak berlaku di negara kita, tetapi masih begitu ramai di kalangan rakyat yang memerlukan bantuan apabila kos rawatan pesakit terlalu tinggi sehingga menjejaskan pendapatan keluarga.

5. Sehubungan itu, saya menyeru kepada badan-badan NGO, agensi-agensi Kerajaan, badan-badan swasta dan orang perseorangan yang berkemampuan supaya sama-sama membantu dan menderma untuk Tabung Kebajikan Pesakit HUKM. Sejumlah RM2 juta yang diperlukan oleh HUKM setahun bagi membantu pesakit menunjukkan bahawa penubuhan Tabung Kebajikan Pesakit HUKM ini sangat diperlukan. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada UKM dan Pengurusan HUKM khususnya kerana telah menunjukkan keprihatinan kepada pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di Hospital UKM.

6. Langkah menyalurkan terus bantuan ke hospital-hospital khususnya kepada Tabung Kebajikan Pesakit seperti yang ditubuhkan oleh HUKM amat digalakkan dan dialu-alukan. Cara ini dapat mempercepatkan proses bantuan kerana wang yang diperlukan telahpun ada di hospital itu sendiri. Ini juga seiring dengan wawasan negara untuk melahirkan masyarakat penyayang. Masyarakat Malaysia adalah masyarakat penyayang yang sanggup menderma pada bila-bila masa. Oleh itu kita harus menyokong hasrat murni HUKM untuk menubuhkan Tabung Pesakit

HUKM. Saya ingin menyeru supaya sumbangan ini dapat disalurkan terus kepada TabungKebajikan Pesakit HUKM demi menjimatkan masa dan masalah birokrasi. Bantuan kepada pesakit biasanya diperlukan dengan kadar yang segera dan adakalanya serta merta kerana melibatkan nyawa pesakit.

7. Saya juga difahamkan di HUKM terdapat sukarelawan Hospital, SAHABAT HUKM yang bergiat aktif dan antara khidmat mereka adalah membantu pesakit-pesakit yang memerlukan berbagai-bagai jenis bantuan. Saya yakin SAHABAT HUKM dan Yayasan Salam boleh bekerjasama dengan pengurusan HUKM bagi sama-sama menjana dana untuk Tabung Kebajikan Pesakit HUKM.

8. Jika semua pihak swasta, NGO, Agensi Kerajaan dan orang perseorangan dapat bekerjasama maka usaha HUKM untuk menubuhkan Tabung ini akan lebih ringan dan mudah. Saya juga difahamkan Majlis Makan Malam Amal ini adalah aktiviti pertama pihak pengurusan HUKM untuk menubuhkan Tabung Pesakit HUKM. Saya berharap berbagai-bagai aktiviti lagi diadakan secara berterusan untuk menambah dana tabung. Saya juga ingin mencadangkan pihak pengurusan HUKM bekerjasama dengan Kerajaan negeri bagi mengadakan aktiviti-aktiviti bersama seperti 'jogathon' dan 'golf' amal untuk menambah dana tabung. Kita harus ingat bahawa dana ini perlu ditambah dari semasa ke semasa dan saya berharap semua pihak dapat berterusan menyumbang untuk Tabung ini.

9. Saya berharap para dermawan dapat menghulurkan sumbangan kepada Tabung Kebajikan Pesakit HUKM. Saya amat berharap agar bantuan ini memudahkan Tabung merancang bantuan kepada pesakit secara tetap. Tabung Pesakit HUKM sentiasa memerlukan sumbangan keranapesakit yang memerlukan bantuan semakin bertambah dari semasa ke semasa terutama bagi hospital rujukan utama seperti HUKM ini.

10. Akhir kata, saya merakamkan setinggi terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Majlis Makan Malam Amal atas usaha dan kegigihan menjayakan majlis ini. Kepada penyumbang-penyumbang, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan saya berharap usaha seperti ini akan berterusan pada masa hadapan.

11. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya melancarkan Tabung Kebajikan Pesakit HUKM.